

28 JAN 1999

Mahkamah-Anwar (Keputusan)

KEPUTUSAN PEMBELAAN ANWAR PADA SABTU

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini dijangka memberikan keputusannya Sabtu ini sama ada untuk mengarahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim membela diri berhubung empat tuduhan rasuah.

Hakim Datuk S. Augustine Paul berkata beliau akan menyatakan keputusannya pada hari itu kecuali jika beliau memerlukan penjelasan lanjut daripada pihak pendakwaan dan pembelaan.

Katanya beliau memerlukan masa untuk mengkaji hujah perundangan yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan seperti sama ada bekas pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang dan timbalannya Datuk Amir Junus telah bersubahat.

Paul membuat ketetapan itu setelah selesai penghujahan oleh pihak pembelaan yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse dan pendakwaan yang diketuai oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani.

Hakim itu berkata beliau akan memberitahu kedua-dua pihak jika beliau tidak dapat membuat keputusan pada Sabtu ini.

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan dia terlibat dalam salah laku seks.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya.

Sebelum itu, Paul menangguhkan perbicaraan selama lima minit sebelum menyatakan ketetapannya untuk mengumumkan keputusannya Sabtu ini.

"Pihak pembelaan telah membangkitkan beberapa isu yang memerlukan saya menelitinya. Beberapa hujah perundangan memaksa saya memberi lebih perhatian," kata beliau pada perbicaraan yang masuk hari ke 49.

Penghujahan oleh pihak pembelaan bermula pada Isnin, didahului oleh Raja Aziz dan diikuti oleh Christopher Fernando, Gurbachan Singh dan Haji Sulaiman Abdullah sebelum Abdul Gani menjawab hari ini.

Pihak pendakwaan menutup kesnya pada 5 Jan selepas perbicaraan berlangsung selama 39 hari melibatkan 23 saksi termasuk Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" dan Azizan ialah penulis kenyataan bersumpah mengandungi dakwaan mengenai salah laku seks melibatkan Anwar. Surat dan kenyataan itu diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pihak pembelaan telah memberitahu mahkamah bahawa mereka bercadang memanggil Dr Mahathir dan tiga orang menteri sebagai saksi jika Anwar diarah membela diri.

Menteri-menteri itu ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

-- BERNAMA

NHD MAI